

1103/2
Panduan Pemarkahan
Bahasa Melayu
Kertas 2
Percubaan SPM
2015
2 1/2 jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2015

**SKEMA JAWAPAN
UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**



SKEMA PEMARKAHAN PERCUBAAN TAHUN SPM

KERTAS 2 TAHUN 2015

PANDUAN PEMARKAHAN - B.MELAYU KERTAS 2 1103/2

Soalan 1

Markah penuh 30:

1. Isi - 20 markah
 2. Bahasa - 10 markah
- (a) Isi – 20 markah
- (b) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- Nama khas
 - Perkataan berulang
 - Penggunaan kata sendi di dan ke
 - Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - Gelaran
 - Peribahasa
 - Kata ganda
- (c) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa
- (d) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (e) Beri markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (f) Pemberian markah:

Pendahuluan	2
Isi Tesurat	12
Isi Tersirat	4
Kesimpulan	2
JUMLAH	20

Isi	20
Bahasa	10
JUMLAH	30

- **Bahasa baik / cemerlang** = separuh markah isi + 1
- **Bahasa Biasa** = Separuh markah isi
- **Bahasa Lemah (ada kelemahan)** = separuh markah isi - 1
- Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

Soalan 1: Rumusan

Pendahuluan	Markah
Petikan membincangkan cara-cara/ kaedah-kaedah/tindakan/usaha untuk mengelakkan tragedi anak-anak lemas di negara ini/ di Malaysia	2
Rumusan membincangkan cara-cara/ kaedah-kaedah/ tindakan/usaha untuk mengelakkan tragedi anak-anak lemas dan kesan-kesannya.	2
Petikan membincangkan cara/ kaedah/tindakan/usaha untuk mengelakkan tragedi anak-anak lemas dan kesan tidak baik sekiranya ibu bapa mengabaikan tanggungjawab menjaga keselamatan anak-anak mereka	2
Rumusan / Petikan membincangkan cara-cara/ kaedah-kaedah/tindakan/usaha untuk mengelakkan tragedi anak-anak lemas.	1
Rumusan / Petikan membincangkan langkah-langkah untuk mengelakkan tragedi anak-anak lemas.	0

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

S1	Jangan dibiarkan kanak-kanak kecil bermain air berseorangan	2
S2	Baldi atau besen yang tidak digunakan haruslah dikosongkan	2
S3	Ibu bapa atau penjaga memerhatikan betul-betul anak-anak mereka	2
S4	Ibu bapa tidak harus melakukan aktiviti lain kerana boleh mengganggu fokus terhadap anak-anak mereka	2
S5	Ibu bapa atau penjaga berada dalam jarak sedepa dengan tempat anak-anak yang sedang bermain air.	2

- S6 Ibu bapa mengajar anak-anak berenang seawal umur 4 tahun 2
- S7 Ibu bapa, penjaga atau pengusaha kolam renang haruslah mengetahui ilmu CPR 2
- S8 Ibu bapa hendaklah memilih tempat mandi-manda yang mempunyai khidmat pengawal pantai atau pengawal kolam 2
- S9 Anak-anak dipastikan memakai jaket keselamatan apabila menggunakan pengangkutan air 2
- S10 Ibu bapa memasang pagar lebih kurang setinggi 4 kaki dan pastikan sentiasa terkunci 2
- S11 Terdapat penggera keselamatan apabila kanak-kanak terjatuh ke dalam kolam 2

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

- T1 Tindakan segera dapat diambil jika berlaku kemalangan 2
- T2 Anak-anak mampu menyelamatkan diri ketika berhadapan dengan kemalangan 2
- T3 Ilmu atau kemahiran boleh digunakan untuk menyelamatkan mangsa kemalangan 2
- T4 Anak-anak dapat bermain/beriadah dengan selamat 2

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Penutup

- Kesimpulannya, tragedi anak-anak lemas haruslah dielakkan supaya keselamatan anak-anak sentiasa terjamin. 2
- Kesimpulannya, tragedi anak-anak lemas haruslah dielakkan. 1

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan (2d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/ salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis & tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas dan ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum **Markah**

- (i) Maksud rangkai kata **mengundang padah**
- membawa/menerima bencana/bala/tragedi 2
 - membawa/menerima padah 1
 - mengundang bencana/bala/tragedi 1
- [Maksimum: 2 markah]**

- (ii) Kesan tidak baik (isi cukup-2)
- Berlakunya kemalangan terhadap anak-anak 2
 - Anak-anak bermain dengan tidak penuh keseronokan 1
 - Keselamatan mereka tidak terjamin 1

[Maksimum: 3 markah]

- (iii) Usaha (isi cukup-3 walaupun tanpa huraian)
- Menyimpan wang untuk kegunaan waktu kecemasan
 - Meningkatkan ilmu/kemahiran menyelamat
 - Mengukuhkan keimanan kepada Tuhan
 - Mengenal pasti tempat/pusat bantuan

ATAU (Isi dengan huraian)

- Menyimpan wang untuk kegunaan waktu kecemasan bagi mendapat khidmat rawatan segera dan terbaik (1+1)
- Meningkatkan ilmu/kemahiran menyelamat dengan segera
- Mengukuhkan keimanan kepada Tuhan agar dapat menerima sesuatu musibah dengan redha (1+1)
- Mengenal pasti tempat / pusat bantuan agar dapat segera ke tempat tersebut untuk mendapat bantuan / menghubungi tempat tersebut (1+1)

(2 Isi mencukupi)

(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden	Markah
(i) Reaksi ibu	
- sedih	1
- tertekan	1
- Menelan air mata hiba	1
	[Maksimum: 2 markah]
(ii) Langkah (isi cukup – 2)	
- Menasihati	
- Berbincang	
- Menggunakan orang tengah	
- Berdoa	
(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)	
	[Maksimum: 3 markah]
(iii) Satu pengajaran	
- Kita hendaklah mengelakkan perbalahan adik-beradik. Buktinya, Um, Uj, Ul, Us dan Uk bergaduh	1 + 1
	[Maksimum: 2 markah]
Satu pengajaran daripada keseluruhan cerpen	
- Kita hendaklah bijak menyelesaikan masalah Buktinya, um banyak membaca buku untuk memastikan kemajuan dalam permainannya.	1 + 1
- Kita hendaklah bertanggungjawab menjaga ibu bapa. Buktinya, mereka bersepakat untuk menjaga ibu bapa mereka dengan mengupah doktor.	1 + 1
	[Maksimum: 2 markah]

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional	Markah
(i) Nyatakan salasilah Tuan Bujang mengikut pendapat Puteri Jilan?	
	[2 markah]
- Asal puteranya di Johor	- 1
- Salasilah Sultan Iskandar Zulkarnain	- 1
- Neneh nasab nusirwan adil	- 1
- Pancar Nabi Allah Sulaiman alaihissalam	- 1
(isi cukup - 2)	

(ii) Gambarkan wajah Tuan Bujang setelah diletakkan mahkota kerajaan oleh Yang Dipertuan Sakti. [3 markah]

- Seperti Bunga Raya kembang pagi - 1
- Tiada dapat dipandang - 1
- bercahaya-cahaya - 1

(isi cukup - 2)

(iii) Sistem beraja merupakan penaung kepada rakyat jelata. Dengan berpegang kepada konsep *Raja Adil Raja Disembah, Raja Zalim Raja Disanggah*, nyatakan dua bukti ketiaatan rakyat kepada raja?

[3 markah]

- Meraikan ulang tahun keputeraan raja.
- Menjaga institusi raja
- Tidak menimbulkan huru-hara
- Menjaga kesucian agama (raja sebagai ketua agama sesebuah negeri)

[isi cukup - 2]

Soalan 2 (d) Pemahaman Puisi Moden	Markah
---	---------------

(i) Berikan maksud *tiupkan harapan senada* dalam petikan sajak di atas. [2 markah]

- **Mencanangkan / impian yang sama** - 2m
- **Menghebahkan / harapan yang sama** - 1m
- **Menghebahkan / harapan senada** - 1m

(ii) Dua peranan negara-negara dunia: [3 markah]

- Menjalinkan hubungan diplomatik
- Berunding dalam menangani sesuatu isu
- Menyertai pertubuhan-pertubuhan antarabangsa
- Penganjuran aktiviti melibatkan penyertaan masyarakat antarabangsa

[terima mana-mana 2 isi]

(iii) Huraikan dua nilai yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

- Kita haruslah menganggap manusia sama taraf **walau di mana-mana mereka berada dan berlainan negara.** **(1+1)**
- Kita mestilah mewujudkan hubungan harmonis sesama negara dan rakyatnya agar kemananan sangat tercapai. **(1+1)**

[terima mana-mana isui yang sesuai]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : 6 markah
- Soalan 3(b) : 6 markah
- Soalan 3(c) : 6 markah
- Soalan 3(d) : 6 markah
- Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah pada ayat tersebut.

a.

- (i) riba -pangkuhan
-bunga wang
- (ii) faedah -manfaat
-bayaran yang dikenakan atas pinjaman/kredit
- (iii) sidang -seluruh ahli (majlis/badan/dewan mesyuarat)
-ketua kampung
-berhenti (hujan)
-beransur pulih (sakit)

[Maksimum: 6 markah]

b.

Tentukan jenis ayat perintah dalam setiap ayat di bawah sama ada ayat silaan, ayat larangan, ayat suruhan atau ayat permintaan.

- (i) Usahlah kamu bersikap bangga diri apabila telah berjaya nanti.
(Ayat larangan)
- (ii) Ambil wang di dalam laci itu kemudian belikan dua batang pen.
(Ayat suruhan)
- (iii) Minta kerjasama semua pengunjung untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.
(Ayat permintaan)
- (iv) Jangan kamu bermain-main di kawasan lombong tinggal itu.
(Ayat larangan)
- (v) Sila hadir mesyuarat yang akan diadakan pada pagi esok.
(Ayat suruhan)
- (vi) Tolong pastikan deringan telefon anda disenyapkan agar tidak mengganggu majlis ini.
(Ayat suruhan)

[Maksimum: 6 markah]

c.

- (i) Cuaca panas undang risiko pelbagai penyakit dalam kalangan masyarakat yang kurang cakna akan aspek kebersihan.

undang	mengundang
risiko	risiko

- (ii) Puisi pantun sewajarnya diguna dalam kebanyakkan majlis agar sentiasa malar segar di hati rakyat.

kebanyakkan	kebanyakkan
diguna	digunakan

- (iii) Jabatan Kerja Raya (JKR) akan memperluaskan laluan ke pasaraya itu demi meningkatkan keselesaan penduduk sekitar.

memperluaskan	memperluas/meluaskan
pasaraya	pasar raya

[Maksimum: 6 markah]

d.

- (i) Permainan tradisional merupakan antara usaha-usaha untuk mengekalkan wawasan nenek moyang agar berkekalan.

antara usaha-usaha	antara usaha
wawasan	warisan

- (ii) Semua guru mengharapkan setiap pelajarnya memperoleh kemenangan demi untuk menjamin masa depan mereka.

demi untuk	demi/untuk
Kemenangan	kejayaan/kecemerlangan

- (iii) Kejadian tanah runtuh di kawasan tanah tinggi berlaku bila kawasan tahanan air digondolkan secara berleluasa.

bila	apabila
tahanan	tadahan

[Maksimum: 6 markah]

- (a) Nyatakan satu peribahasa lain yang membawa maksud hampir sama dengan peribahasa di bawah.

- (i) Mencurah garam ke laut.

Bagai mencurah air ke daun keladi

- (ii) Musuh dalam selimut.

Gunting dalam lipatan

- (iii) Si Kudung mendapat cincin .

Bagai kera mendapat bunga

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 4

(a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua peristiwa kepincangan sosial yang berlaku dalam masyarakat.

[7 markah]

Kepincangan sosial dalam masyarakat (**Renyah**)

Bil	Peristiwa	Kepincangan sosial
1	Perbuatan Hasnol mengambil rasuah daripada Tg Munir berjumlah RM300 000.	Perbuatan mengambil rasuah dalam masyarakat
2	Dani terlibat dalam penyalahgunaan dadah-mengambil dadah sebelum konsertnya	Perbuatan penyalahgunaan dadah
3	Mukhlis yang terlibat dalam ajaran sesat	Terlibat dengan ajaran sesat
4	Ilham menceroboh masuk ke bilik Inam iaitu pembantu rumah keluarganya	Perbuatan yang tidak bermoral
5	Datuk Dolhi merahsiakan perkahwinannya dengan Mastura	Perkahwinan yang dirahsiakan

Kepincangan sosial dalam masyarakat (**Sutera dalam Lukisan**)

Bil	Peristiwa	Kepincangan sosial dalam masyarakat
1	Harun memukul dan menyepak Hafiz/Bujei setelah Bujei tidak menurunkan tandatangan surat penyerahan kuasa hak milik tanah arwah ibunya.	Kezaliman bapa tiri
2	Harun cuba mempergunakan Sidang Saman untuk mendapatkan tanah yang telah dijual kepada Wan Senin.	Tipu muslihat anggota masyarakat
3	Alias yang selalu memukul/membuli Hafiz/Bujei	Perbuatan buli
4	Opah Ara yang menerima apa-apa sahaja perbuatan Alias terhadap Bujei walaupun perbuatan tersebut ternyata silap.	Kasih sayang yang melampau/berlebih-lebihan
5	Alias yang menfitnah Adila kononya Adila menghidap penyakit AIDS dan Hafiz seorang yang <i>maniac</i>	Perbuatan fitnah yang berleluasa

Terima mana-mana dua isi.

Isi-isi lain yang bersesuaian diterima.

[Maksimum: 7 markah]

2 isi = 4m
Bahasa = 3m

Jumlah = 7m

- (b) Pengarang sering mengetengahkan persoalan tanggungjawab dalam hasil karya mereka. Jelaskan **satu** persoalan tanggungjawab yang terdapat dalam kedua-dua buah novel yang anda kaji.

[8 markah]

Jawapan [Renyah]

- i. Tanggungjawab seorang ayah kepada anaknya.
Buktinya: Datuk Dolhi memberikan wang biaya kepada Wahi melalui nenek Wahi.
- ii. Tanggungjawab seorang ibu terhadap anak.
Buktinya: Datin Tominah meminjamkan wang sebanyak Rm10ribu kerana Hasnol kesempitan wang
- iii. Tanggungjawab seorang isteri terhadap suami.
Buktinya: Linda enggan mengikut Hasnol Pulang ke Malaysia kerana malu.
- iv. Tanggungjawab dalam memikul amanah pekerjaan.
Buktinya: Hasnol mengkhinati amanah yang diberikan kepadanya apabila menerima rasuah daripada Tengku Munir.

Jawapan [Sutera Dalam Lukisan]

- i. Tanggungjawab seorang ketua terhadap anak buahnya
Buktinya, Sidang Saman menyelesaikan pertelingkahan antara Alias dengan Bujei
- ii. Tanggungjawab ibu terhadap anaknya.
Buktinya, Datin Tominah meminjamkan wang kepada Hasnol yang kesempitan wang
- iii. Tanggungjawab sesama insan
Buktinya, Adila membantu Bujei untuk kembali menjadi insan yang normal.

[8 markah]

1 Isi = 1m

Huraian = 2m

1 isi + Huraian = 3m

(diperlukan 1 isi setiap novel)

2 isi + huraian = 6m

Bahasa = 2m

Jumlah = 8m